

# **KEMAHIRAN BERTUTUR DENGAN MENGGUNAKAN BAHAN BERITA TV**

**Rositah Yusof**

Pusat Bahasa Melayu Singapura  
& Jabatan Bahasa Ibunda, Sekolah Menengah Pei Hwa

## **Abstrak**

Peraturan yang lebih tinggi bagi Kertas 3 Bahasa Melayu mencerminkan penekanan yang lebih tinggi kepada kemahiran bertutur dalam peperiksaan peringkat nasional. Oleh itu penting bagi guru-guru Bahasa Melayu untuk bersikap lebih kreatif dan inovatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran bertutur. Penggunaan klip Berita TV adalah satu cara yang amat berfaedah. Rangsangan visual dan audio membolehkan para pelajar mempelajari ilmu kemahiran bertutur yang betul seperti sebutan, intonasi dan kelancaran melalui proses contoh. Kaedah ini juga dapat meningkatkan kemahiran bertutur dan kesedaran global para pelajar. Selain itu, kaedah ini juga membantu memupuk kemahiran Abad-21 termasuk kemahiran berkomunikasi dan kesedaran global dalam kalangan pelajar, membina keyakinan diri dan menjadi rakyat yang prihatin. Selain pembelajaran autentik yang menjadi tumpuan kami, pembelajaran Terarah Kendiri dan Pembelajaran Koperatif juga digunakan untuk menyokong pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Peraturan kepujian sebanyak 71.4% yang dicatatkan dalam keputusan peperiksaan lisan Bahasa Melayu Peperiksaan GCE peringkat O tahun 2011, menjadi bukti bahawa strategi ini berkesan.

## **Pengenalan**

Kebanyakan pelajar masa kini lebih terdedah kepada persekitaran bahasa Inggeris. Mereka bukan sahaja bertutur di rumah bersama anggota keluarga dalam bahasa Inggeris, malah ramai pelajar yang menonton rancangan Inggeris, mendengar lagu Inggeris, membaca, berkomunikasi bersama teman-teman melalui media sosial baharu seperti Facebook, Twitter, dan menghantar pesanan ringkas dengan menggunakan bahasa Inggeris. Pendedahan kepada bahasa Melayu amat terhad iaitu dalam lingkungan kelas bahasa Melayu sahaja atau semasa mereka berbual bersama datuk, nenek atau orang tua yang lain.

Hal ini telah menjejaskan kemahiran bertutur pelajar dalam bahasa Melayu. Kelemahan mereka ini telah menjejaskan keputusan peperiksaan lisan mereka dalam Peperiksaan GCE Peringkat 'O'. Hanya segelintir pelajar sahaja yang memperolehi gred kepujian dalam komponen lisan.

Oleh itu, usaha intervensi telah dijalankan untuk meningkatkan kemahiran bertutur para pelajar khususnya bagi persediaan menduduki Peperiksaan GCE Peringkat 'O' bagi komponen lisan.

## **Kajian Lepas**

Penggunaan rancangan televisyen dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa menjadi fokus kajian yang popular. Mentelah pula, dunia masa kini semakin bergantung kepada teknologi komunikasi dan multimedia. Begitu juga dalam dunia pengajaran dan pembelajaran. Bahan-bahan yang tersedia ada dalam media massa dapat dijadikan sebagai alat pengajaran bahasa. Hal ini menjadi pokok utama dalam kajian berikut.

Menurut Van Lommel, Laenen dan d'Ydewalle (2006), sari kata yang terdapat dalam program di kaca televisyen membantu penonton untuk menguasai kosa kata bahasa asing. Hal ini berlaku kerana program di televisyen mengandungi urutan gambar, kesan bunyi dan sari kata. Dalam kajian tersebut, didapati bahawa pelajar meluangkan lebih banyak masa membaca sari kata meskipun sari kata itu ditulis di dalam bahasa ibunda mereka sendiri. Ini menunjukkan betapa berkesan penggunaan sari kata dalam meningkatkan penguasaan bahasa seseorang dan potensinya sebagai bahan pengajaran yang berkesan.

Kothari (2000) pula mendapati bahawa kaedah Sari Kata Bahasa Sama atau *Same Language Subtitling* (SLS) membantu seseorang pelajar menjadi pembaca yang aktif. Bukan itu sahaja, pelajar juga berupaya untuk mendengar cara penyebutan yang betul dan tepat. Kesannya amat memberangsangkan. Kaedah SLS membantu pelajar yang tidak tahu membaca mencapai peningkatan yang baik berbanding dengan pelajar yang tidak tahu membaca dalam kumpulan yang bukan dalam program SLS.

## **Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk:

1. menilai keberkesanan penggunaan bahan berita dalam meningkatkan kemahiran bertutur para pelajar Menengah Empat Ekspres yang akan menduduki peperiksaan GCE Peringkat 'O' pada tahun 2011, seterusnya meningkatkan jumlah pelajar yang mendapat Gred Kepujian dalam komponen Lisan;
2. mendedahkan para pelajar kepada persekitaran bahasa Melayu formal; dan
3. menilai keberkesanan bahan berita dalam meningkatkan kesedaran pelajar tentang apa yang berlaku di dalam dan luar negara.

## **Kaedah Kajian**

Kajian ini berbentuk eksperimental dengan guru menggunakan kaedah pemerhatian. Dapatan kajian dibentangkan secara kuantitatif dan kualitatif.

Bahan yang digunakan ialah Rancangan Berita di saluran televisyen Suria. Rancangan Berita ini mengandungi unsur visual pembaca berita dengan sari kata dalam bahasa Melayu. Dengan kedua-dua perkara ini, pelajar dapat menggunakannya sebagai bahan untuk memperbaiki pertuturan mereka. Pendedahan kepada persekitaran bahasa Melayu yang formal secara berterusan ini juga penting agar pelajar terdidik dalam persekitaran yang menggunakan bahasa Melayu yang formal yang dapat membantu untuk meningkatkan kemahiran bertutur pelajar.

## **Subjek Kajian**

Seramai 21 orang pelajar Menengah 4 Ekspres kohort tahun 2011 terlibat dalam kajian ini. Pelajar ini kebanyakannya kurang berkomunikasi dalam bahasa Melayu di luar kelas. Bahasa Melayu lisan yang digunakan ialah bahasa Melayu basahan yang bercampur aduk dengan bahasa Inggeris. Kebanyakan pelajar juga tidak dapat menyampaikan maksud atau idea yang ingin disampaikan dengan menggunakan bahasa Melayu yang teratur dan gramatis.

## **Prosedur Kajian**

Program ini dijalankan selama satu semester. Setiap minggu pelajar akan menonton Rancangan Berita di saluran Suria pada pukul lapan malam. Mereka dikehendaki membaca sari kata sambil mendengar berita yang disiarkan. Pelajar kemudian mengumpulkan tiga keratan berita dari luar negara dan tiga keratan berita dari dalam negara secara sendiri. Di sekolah pula secara berpasangan, pelajar berkongsi satu petikan berita. Kemudian dengan menggunakan teknik *Think-Pair-Share*, pelajar berkongsi dengan pasangan yang lain. Keseluruhannya mereka akan mempunyai lapan berita iaitu enam berita sendiri dan dua berita baharu. Secara bergilir-gilir, pelajar menyampaikan satu berita kepada teman-teman yang lain di hadapan kelas. Teman-teman yang mendengar akan menggunakan rubrik untuk menilai penyampaian pelajar yang lain.

## **Rubrik Penilaian lisan**

Rubrik penilaian lisan ini diadaptasi daripada skema lisan yang digunakan dalam peperiksaan Bahasa Melayu GCE Peringkat 'O'. Pelajar menggunakan rubrik ini untuk menilai penyampaian teman mereka ketika mereka menyampaikan berita.

Rajah 1: Rubrik Pembentangan

<b>Sebutan dan Pengucapan</b>	<b>Markah</b>
Sebutan dan pengucapan jelas dan sentiasa baik	5
Sebutan dan pengucapan jelas dan sentiasa baik tetapi terdapat sedikit kesilapan	4
Sebutan dan pengucapan boleh difahami tetapi mengandungi beberapa kesilapan yang ketara	3
Sebutan dan pengucapan agak payah difahami kerana terdapat banyak kesilapan besar	2
Sebutan & pengucapan tidak jelas dan banyak perkataan yang disalah sebut	1
<b>Kelancaran</b>	<b>Markah</b>
Penyampaian lancar dan tidak tersekat-sekat	5
Penyampaian lancar tetapi terdapat sedikit kesilapan	4
Penyampaian kurang lancar, terdapat banyak kesilapan	3
Penyampaian payah difahami	2
Penyampaian terputus-putus dan tidak jelas	1

### **Borang Soal Selidik**

Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen untuk meneliti pengalaman pembelajaran para pelajar melalui kaedah yang dijalankan. Selain daripada meninjau pengalaman pembelajaran para pelajar, sikap pelajar terhadap kaedah yang digunakan juga diteliti. Dapatan daripada borang soal selidik ini juga menunjukkan keberkesanan kaedah yang digunakan.

Borang soal selidik ini mengandungi lapan soalan objektif dan tiga soalan subjektif. Dalam bahagian pertama, iaitu lapan soalan objektif, para pelajar diberikan empat pilihan, iaitu; sangat setuju, setuju, tidak setuju atau sangat tidak setuju.

## Dapatan Kajian


Dapatan kajian menunjukkan dengan jelas bahawa penggunaan bahan berita boleh dijadikan satu wahana untuk mempertingkatkan kemahiran bertutur pelajar. Berdasarkan pemerhatian guru, pelajar didapati lebih berminat untuk mengetahui peristiwa-peristiwa yang berlaku di dalam dan di luar negara. Pelajar ghairah ketika berkongsi berita terkini sesama sendiri.

Dapatan daripada borang soal selidik menunjukkan bahawa respons pelajar terhadap strategi yang digunakan amat positif. Pelajar memahami matlamat Kaedah Berita yang digunakan. Pelajar juga berasa seronok mengikuti pelajaran. Pelajar berasa yakin bertutur di hadapan rakan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar bertambah minat untuk menonton rancangan berita. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa keyakinan pelajar semasa bertutur bertambah. Secara ringkas, keseluruhan dapatan itu dapat dilihat melalui Jadual 1 dan Rajah 1.

Jadual 1: Respons Pelajar

Soalan	Sangat setuju	Setuju	Tidak setuju	Sangat tidak setuju
1	8	13	0	0
2	4	16	1	0
3	9	11	1	0
4	12	8	1	0
5	3	18	0	0
6	12	9	0	0
7	3	16	1	1
8	3	16	0	2

Rajah 1: Respons Pelajar



### Dapatan Soalan Subjektif

Berikut adalah beberapa contoh pandangan pelajar berdasarkan soalan subjektif yang diutarakan kepada pelajar.

Soalan 1: Manfaat yang saya raih hasil daripada Kaedah Berita ialah...

- saya dapat bertutur dengan baik dan ini akan membantu saya semasa perbualan dalam Peperiksaan Lisan Peringkat GCE 'O';
- kaedah ini telah membantu saya dalam kemahiran bertutur dan kosa kata saya semakin berkembang; dan
- saya dapat berbual dalam bahasa Melayu dengan lebih baik.

Soalan 2: Saya mahu Kaedah Berita ini dilanjutkan kerana...

- tanpa saya sedari, tutur bahasa saya lebih teratur dan saya dapat mengetahui akan perkataan-perkataan yang saya kurang tahu;
- saya dapat didedahkan pada hal ehwal semasa yang penting dan saya dapat menambahkan ilmu pengetahuan saya; dan
- kaedah ini menarik dan melatih saya untuk mendengar dengan lebih teliti.

Soalan 3: Berikan satu saranan untuk memperbaiki pengajaran menggunakan Kaedah Berita ini...

- mungkin kita boleh mengadakan kerja kumpulan untuk memperbaiki Kaedah Berita.
- memberi kelonggaran dengan menonton rancangan berita dari saluran TV3.
- selepas sahaja menonton rancangan berita, rakamkan penyampaian berita diri sendiri.

Secara keseluruhan, dapatan daripada soalan subjektif ini amat menarik kerana memaparkan peranan Kaedah Berita ke atas diri para pelajar. Para pelajar juga telah memberikan beberapa saranan yang dapat dipertimbangkan. Dengan adanya maklum balas seperti ini, guru dan pelajar akan dapat bekerjasama dengan lebih berkesan untuk mencapai suasana pembelajaran yang positif.


Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan dalam jumlah pelajar yang memperoleh gred Kepujian dalam komponen lisan dalam Peperiksaan GCE Peringkat 'O'. Sila rujuk Jadual 2 yang berikut:

Jadual 2: Analisis Keputusan Peperiksaan Bahasa Melayu GCE Peringkat 'O'  
(2009-2011)

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan Pelajar</b>	<b>Bilangan Pelajar mendapat Kepujian</b>	<b>Peratusan Kepujian</b>
2009	6	3	50%
2010	10	5	50%
2011	21	15	71.40%



Rajah 2: Peningkatan Peratusan Kepujian (%)



Jadual dan Rajah 2 menunjukkan peningkatan peratusan gred Kepujian yang dicapai oleh murid pada tahun 2011 sebanyak 71.4% berbanding tahun-tahun sebelumnya. Data ini jelas menunjukkan bahawa Kaedah Berita yang digunakan berkesan dalam membantu pelajar mencapai keputusan peperiksaan lisan yang lebih baik.

### **Keputusan Peperiksaan**

Penggunaan rancangan berita menggalakkan pelajar belajar secara sendiri untuk memilih berita yang menarik minat mereka. Persembahan penyampaian berita juga memberi peluang kepada pelajar untuk meningkatkan keyakinan bertutur di hadapan khalayak. Aktiviti perkongsian berita juga memberi pelajar peluang untuk belajar secara kooperatif.

Secara keseluruhan pelajar memberikan maklum balas yang positif terhadap pembelajaran melalui Kaedah Berita. Guru juga dapat memperbaiki kelemahan kaedah ini berdasarkan maklum balas negatif yang diberikan oleh pelajar. Bagaimanapun, buat setakat ini, guru dapat membuat rumusan bahawa Kaedah Berita telah berjaya memberikan impak positif terhadap para pelajar sekaligus terhadap proses pembelajaran di dalam bilik darjah.

Guru juga dapat merumuskan bahawa Kaedah Berita ini berkesan dari sudut dan perspektif yang diberikan oleh pelajar. Namun begitu, guru perlu mengadakan penilaian yang formal untuk mendapatkan dapatan yang lebih kukuh.

### **Kesimpulan**

Kesimpulannya, guru berpendapat bahawa kaedah ini berjaya mempertingkatkan kemahiran bertutur pelajar. Pelajar lebih yakin dan dapat bertutur dengan lebih baik. Kaedah ini juga merupakan wadah yang berkesan bagi mendedahkan para pelajar kepada persekitaran bahasa Melayu formal dan menjadikan mereka lebih sedar akan persekitaran di luar lingkungan diri mereka. Kesedaran ini penting dan sesuai dengan Kemahiran Abad ke-21 yang ingin menghasilkan pelajar yang berkeyakinan, rakyat yang berdedikasi dan mempunyai kesedaran global.

## Rujukan

Kothari, Brij (2000). *Same Language Subtitling on Indian Television*. Rowman & Littlefileld Publishing Group. Lomham, Maryland.

Van Lommel,S., Laenan, A dan d'ydwalle, G. (2006). Foreign grammar acquisition while wathcing subtitled television programmes in *British Journal of Educational Psychology*, Britain.

Berita@Suria daripada lalaman  
[www.youtube.com/watch?v=iwelEMtiyj8&feature=related](http://www.youtube.com/watch?v=iwelEMtiyj8&feature=related)

Kagan,Spencer. (1994). *Cooperative Learning* dipetik daripada  
Daripada lalaman internet  
<http://www.edtech.kennesaw.edu/intech/cooperativelearning.htm>

## **Lampiran 1**

**Soalan-soalan objektif yang diajukan kepada pelajar adalah seperti yang berikut:**

1. Saya tahu matlamat Kaedah Berita yang digunakan dalam kelas.
2. Saya berasa seronok ketika Kaedah Berita dijalankan dalam kelas.
3. Saya yakin kaedah ini telah membantu saya dalam kemahiran bertutur.
4. Kosa kata saya semakin berkembang dengan bantuan Kaedah Berita.
5. Saya lebih yakin bertutur di hadapan rakan-rakan.
6. Saya kini lebih sedar akan hal ehwal semasa.
7. Saya lebih berminat untuk menonton rancangan berita bahasa Melayu.
8. Saya akan terus menonton rancangan berita meskipun tidak disuruh oleh guru.

## **Soalan Subjektif**

Tiga soalan subjektif telah dikemukakan kepada para pelajar. Berikut adalah soalan-soalan yang ditanyakan kepada pelajar:

1. Satu manfaat yang saya raih hasil daripada Kaedah Berita ialah ...
2. Saya mahu/tidak mahu Kaedah Berita ini dilanjutkan kerana...
3. Berikan satu saranan untuk memperbaiki pengajaran yang menggunakan Kaedah Berita ini...

### **Biodata Rositah Yusof**

Cikgu Rositah mula mengajar di Sekolah Rendah East View pada tahun 1991. Beliau kemudian melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1993. Cikgu Rositah meraih kelulusan Sarjana Kepujian Kelas Pertama dalam bidang Linguistik Melayu pada tahun 1997. Kini, beliau merupakan seorang Guru Kanan di Sekolah Menengah Pei Hwa.

**Alamat e-mel :** [rositah\\_yusof@moe.edu.sg](mailto:rositah_yusof@moe.edu.sg),